


1. Dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terdapat Pembesar Berempat iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.  
Apakah tugas Temenggung pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
  - A. Mengetuai pentadbiran
  - B. Menguruskan kewangan
  - C. Panglima angkatan laut
  - D. Menjaga keselamatan kota
2. Berdasarkan Fasal 4 dalam Hukum Kanun Melaka, apakah kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh?
  - I. Menyelar tindakan raja
  - II. Memalsukan titah raja
  - III. Mengingkari arahan raja
  - IV. Mempersenda kurnia raja
  - A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
3. Gambar berikut menunjukkan tokoh nasionalis di Filipina.



Apakah jasa tokoh tersebut ?

- A. Memimpin Katipunan
- B. Menubuhkan Liga Filipina
- C. Melancarkan Revolusi Filipina
- D. Menyingkirkan pemerintahan Sepanyol

4. Sistem pendidikan pada zaman penjajah telah membangkitkan semangat nasionalisme di Asia Tenggara.

Mengapa keadaan tersebut berlaku?

- A. Kemunculan golongan intelek
- B. Kewujudan golongan bangsawan
- C. Kepelbagaiannya sukatan mata pelajaran
- D. Kemasukan imigran yang tidak terkawal

5. Maklumat berikut berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama

- **Kuasa Tengah**
- **Pakatan Bertiga**

Apakah iktibar yang anda peroleh daripada Perang Dunia Pertama?

- A. Amerika Syarikat kuasa yang diiktiraf
- B. Perdamaian hanya bersifat sementara
- C. Kepentingan memelihara keamanan dunia
- D. Pakatan ketenteraan menggalakkan kestabilan

6. Berikut ialah propaganda yang digunakan oleh Tentera Jepun sewaktu mara ke Tanah Melayu

- **Semangat Asia**
- **Asia untuk Orang Asia**

Apakah tujuan propaganda tersebut?

- A. Memperjuangkan orde baharu Asia
- B. Menanam semangat anti penjajah Barat
- C. Memperkenalkan pembaharuan Meiji
- D. Mempamerkan kekuatan tentera Jepun

7. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Raja Charles Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada Kerajaan British?
- I. Desakan Kerajaan British
  - II. Masalah perwarisan takhta
  - III. Eksplorasi kekayaan Sarawak
  - IV. Memenuhi permintaan penduduk
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

8. Gambar berikut menunjukkan tokoh yang terlibat dengan anggota Rukun Tiga Belas.



Rosli Dhobi

Apakah tindakan yang diambil oleh tokoh tersebut dalam Gerakan Antipenyerahan Sarawak?

- A. Bekerjasama dengan British
- B. Mempertahankan hak penduduk
- C. Hapuskan pegawai tinggi British
- D. Menubuhkan Young Malay Association (YMA)

9. Maklumat berikut merujuk kepada proses ke arah mewujudkan negara berdaulat.

25 Julai 1946	Penubuhan Jawatankuasa Kerja
---------------	------------------------------

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A. Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
  - B. Membuat persiapan menyambut kemerdekaaan
  - C. Merundingkan perdamaian dengan komunis
  - D. Menggubal Perlembagaan Persekutuan
10. Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 pada 21 Januari 1948.

Mengapakah Raja-raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut?

- I. Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
  - II. Taraf tanah naungan dikembalikan
  - III. Raja berkuasa dalam perundangan
  - IV. Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
11. Gerakan Komunis Antarabangsa telah menganjurkan dua persidangan di Calcutta, India pada tahun 1948.

- Persidangan Kongres Belia Asia
- Persidangan Parti Komunis India

Apakah kesan persidangan tersebut terhadap Parti Komunis Malaya?

- A. Kerjasama menentang Jepun
- B. Penubuhan pasukan keselamatan
- C. Perjuangan bersenjata dilancarkan
- D. Rundingan penyatuan parti politik radikal

12. Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.

Tarikh	Peristiwa
17 Jun 1948	Undang-undang Darurat diisyiharkan


Apakah peristiwa yang menyebabkan undang-undang tersebut diisyiharkan?

- A. Pembukaan cawangan Parti Kuomintang  
B. Pembunuhan pengurus ladang Eropah  
C. Perubahan dasar pentadbiran British  
D. Penentangan kesatuan sekerta.
13. Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

- Dr. Burhanuddin al-Helmi
- Ishak Haji Muhammad
- Ahmad Boestaman

Bagaimakah tokoh tersebut berusaha untuk mencapai matlamat parti mereka?

- A. Bekerjasama dengan kaum lain  
B. Bersatu dengan persatuan tempatan  
C. Berjuang menentang pertubuhan radikal  
D. Bersikap tegas terhadap kerjasama politik
14. Rajah berikut berkaitan dengan penubuhan parti di Tanah Melayu



Apakah parti X?

- A. Malayan Indian Congress (MIC)  
B. Malayan Chinese Association (MCA)  
C. Independence of Malayan Party (IMP)  
D. United Malays National Organisation (UMNO)

15. Jadual berikut berkaitan dengan Keputusan Pilihan Raya Umum 1955.

Nama Parti	Bilangan Calon	Kerusi dimenangi
Perikatan	52	51
Parti Negara	30	0
Parti Islam Se-Tanah Melayu	11	1

Mengapa Parti Perikatan memenangi pilihan raya tersebut?

- A. Memperjuangkan sistem monarki
  - B. Meminda undang-undang Barat
  - C. Mendaftarkan calon lebih awal
  - D. Menjalin kerjasama politik
16. Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat di negara kita.  
Apakah kesan penubuhan Majlis tersebut?
- I. Pengenalan Sistem Ahli
  - II. Pilihan Raya Bandaran dijalankan
  - III. Amalan demokrasi dalam pentadbiran
  - IV. Tunku Abdul Rahman mengetuai kerajaan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
17. Apakah gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A. Mengajurkan persidangan kebangsaan
  - B. Memeriksa adat istiadat orang Melayu
  - C. Mengkaji kedudukan Majlis Raja-raja
  - D. Meneliti kedudukan perlembagaan negeri

18. Majlis Raja-raja Melayu telah menghantar sebuah memorandum kepada Suruhanjaya Reid.
- Apakah kandungan memorandum yang dicadangkan oleh Majlis Raja-raja Melayu tersebut?
- A. Pengiktirafan kerabat diraja  
B. Penubuhan jawatankuasa diraja  
C. Pelantikan seorang ketua negara  
D. Pemansuhan gelaran rakyat British
19. Apakah cabaran politik yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan setelah merdeka?
- A. Memilih pakar dari luar negara  
B. Melantik pegawai luar berkemahiran  
C. Menggantikan jawatan pegawai Eropah  
D. Mengurangkan kakitangan professional
20. Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Tanah Melayu?

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal

Apakah tujuan Jawatankuasa Persediaan Fizikal diwujudkan bagi persediaan sambutan Kemerdekaan?

- A. Menonjolkan identiti negara  
B. Mewujudkan negara berdaulat  
C. Membentuk masyarakat demokratik  
D. Menghayati semangat jiwa merdeka

21. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kedaulatan.

Jenis Kedaulatan
<ul style="list-style-type: none"><li>● Kedaulatan Moden</li><li>● Kedaulatan Tradisional</li><li>● Kedaulatan Undang-undang</li><li>● X</li></ul>

Apakah X?

- A. Kedaulatan Rakyat
- B. Kedaulatan Kerajaan
- C. Kedaulatan Sempadan
- D. Kedaulatan Antarabangsa

22. Maklumat berikut berkaitan usaha untuk mempertahankan kedaulatan negara.

- Kestabilan politik
- Kemakmuran ekonomi

Apakah langkah yang perlu diambil untuk mencapai usaha tersebut?

- I. Meningkatkan kecekapan pentadbiran
  - II. Memodenkan aset ketenteraan
  - III. Mewujudkan lambang kebesaran negara
  - IV. Mengagihkan kekayaan negara secara adil
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

23. Mengapakah undang-undang di negeri-negeri Melayu mengalami perubahan pada abad ke-19?
- A. Pengukuhan institusi beraja  
B. Penerimaan pengaruh dari Asia  
C. Perkembangan pendidikan moden  
D. Pengenalan undang-undang Barat
24. Apakah pentadbiran yang memperkenalkan kewarganegaraan Persekutuan bagi kerakyatan berikut?
- Rakyat Raja
  - Rakyat British
- A. Negeri-negeri Selat 1826  
B. Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896  
C. Persekutuan Tanah Melayu 1948  
D. Persekutuan Tanah Melayu 1957
25. Manakah antara berikut kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara?
- I. Mengisytiharkan darurat  
II. Membubarkan parlimen  
III. Melantik Jemaah Menteri  
IV. Mengetuai Angkatan Tentera Malaysia
- A. I dan II  
B. I dan IV  
C. II dan III  
D. III dan IV

26. Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen.
- Apakah yang perlu dilakukan oleh seseorang ahli Jemaah Menteri sekiranya tidak bersetuju dengan dasar kerajaan?
- A. Mengusul undi tidak percaya
  - B. Meletak jawatan sebagai Menteri
  - C. Membawa perkara ke mahkamah
  - D. Memohon pembubaran Parlimen

27. Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem pentadbiran Persekutuan di negara kita.

Tahun	Pentadbiran
1896	Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
1927	Penstrukturran Majlis Perundangan Persekutuan
1946	Penubuhan Malayan Union

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut?

- A. Menjamin kepentingan British
  - B. Menjalankan dasar dekolonisasni
  - C. Melaksanakan pengasingan kuasa
  - D. Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu
28. Apakah perkara yang terkandung dalam senarai bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?
- A. Tanah
  - B. Biasiswa
  - C. Pelajaran
  - D. Kewarganegaraan

29. Maklumat berikut berkaitan dengan faktor pembentukan Malaysia.

Faktor Pembentukan Malaysia
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keselamatan</li><li>• Pembangunan Wilayah</li><li>• X</li></ul>

Apakah X?

- A. Penguasaan ekonomi  
B. Perancangan kerajaan pusat  
C. Kemajuan sektor perindustrian  
D. Keseimbangan komposisi penduduk
30. Mengapakah Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan?
- A. Menyediakan rangka perlombagaan  
B. Membuat rundingan dengan kerajaan British  
C. Meninjau kemajuan Persekutuan Tanah Melayu  
D. Meyakinkan penduduk Sabah dan Sarawak
31. Apakah tanggungjawab Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)?
- I. Mengembalikan keamanan  
II. Mengembalikan keharmonian kaum  
III. Memansuhkan Akta Hasutan 1948  
IV. Membantu penerbitan akhbar dan majalah
- A. I dan II  
B. I dan IV  
C. II dan III  
D. III dan IV

32. Apakah usaha kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis di Sarawak?
- A. Perang saraf
  - B. Gerakan politik
  - C. Serangan bersenjata
  - D. Program keselamatan
33. Gambar berikut menunjukkan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditubuhkan pada tahun 1956.



Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka

Apakah tujuan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka?

- A. Memartabatkan Bahasa Melayu
  - B. Mengukuhkan perpaduan bangsa
  - C. Memperkenalkan karyawan negara
  - D. Menggalakkan pembangunan budaya
34. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Institusi pendidikan swasta dikehendaki mengadakan pengajaran bahasa kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam atau Moral.

Apakah nilai yang ditekankan bagi langkah tersebut?

- A. Adil dan saksama
- B. Cinta akan negara
- C. Bertanggungjawab
- D. Hormat menghormati

35. Gambar berikut berkaitan Rancangan Buku Hijau yang telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.



Rancangan Buku Hijau

Apakah matlamat rancangan ini diperkenalkan?

- A. Memberi subsidi benih dan baja
- B. Mewujudkan pertubuhan peladang
- C. Menyediakan bantuan peralatan pertanian
- D. Mengeluarkan bahan makanan yang mencukupi

36. Zon Perindustrian Bebas merupakan Kawasan perdagangan yang diberi pelepasan cukai atau tarif sebagai insentif.

Apakah tujuan Zon Perindustrian Bebas diwujudkan?

- A. Mewujudkan bandar terancang
- B. Merangsang ekonomi kawasan sekitar
- C. Menjalankan inovasi dan penyelidikan
- D. Membangunkan teknologi perindustrian

37. Apakah pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) ?

- A. Peningkatan golongan kaya
- B. Melahirkan golongan kelas pertengahan
- C. Meningkatkan keperluan tenaga kerja luar
- D. Mengurangkan tarif dan cukai barang

38. Maklumat berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) yang ditubuhkan pada tahun 1961.

<b>Negara Anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA)</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Malaysia</li><li>• Filipina</li><li>• X</li></ul>

Apakah X?

- A. Indonesia  
B. Thailand  
C. Vietnam  
D. Brunei
39. Pelibatan Malaysia dalam Isu Palestin terbukti apabila Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga turut memberi pelbagai bantuan dan sumbangan.  
Apakah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tersebut?
- A. Yayasan Restu  
B. Global Peace Mission  
C. Muslim Care Malaysia  
D. Angkatan Belia Islam Malaysia
40. Mengapa Malaysia berkerjasama dengan negara anggota ASEAN bagi menubuhkan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN?
- A. Mengawal kualiti makanan  
B. Mengatasi isu lebihan pengeluaran  
C. Melaksanakan Program Catuan Makanan  
D. Membentuk Simpanan Beras Kecemasan